

Rujukan Kami : UMS/NC1.1/100-1/7/1 ()

Tarikh : 30 Oktober 2017

DEKAN/PENGARAH

Fakulti Sains dan Sumber Alam
Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan
Fakulti Psikologi dan Pendidikan
Fakulti Kejuruteraan
Fakulti Komputeran dan Informatik
Fakulti Pertanian Lestari
Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan
Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan
Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa
Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar

YBrs Prof./Prof. Madya /Dr ,

SURAT PEKELILING NAIB CANSELOR

PENYEDIAAN KERTAS SOALAN PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER 1 SESI 2017/2018

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan sepertimana yang sedia maklum bahawa Peperiksaan Akhir Semester 1 Sesi 2017/2018 akan diadakan **selama tiga (3) minggu bermula pada 2 – 19 Januari 2018.**

2. Justeru itu, ingin saya mengingatkan Dekan/Pengarah Fakulti/Pusat agar dapat;
- Memastikan semua kakitangan akademik tidak mengadakan sebarang aktiviti luaran/dalaman selama minggu peperiksaan berlangsung.
 - Memastikan kerahsiaan dan keselamatan kertas soalan yang disediakan. Sila pastikan *pendrive/PC* yang digunakan untuk menyediakan kertas soalan disimpan di tempat yang selamat dan tidak mudah diceroboh.
 - Kertas soalan yang dihantar ke Bahagian Perkhidmatan Akademik (BPA) hendaklah telah siap untuk terus dicetak. Oleh itu Jawatankuasa Akademik Fakulti/Pusat hendaklah menyemak dan memastikan kualiti keseluruhan kertas soalan dan mematuhi format yang ditetapkan.
 - Kertas soalan yang telah siap disediakan (muktamad) hendaklah diserahkan oleh **Penolong Pendaftar Kanan/Penolong Pendaftar Fakulti/Pusat** kepada **Penolong Pendaftar, Seksyen Pengurusan Peperiksaan dan Penilaian (BPA).**

- v. Mengemukakan kertas soalan (muktamad) yang perlu dicetak oleh Bahagian Perkhidmatan Akademik tidak lewat dari **24 November 2017 (termasuk peperiksaan informal)**. **Kelewatan mengemukakan kertas soalan akan menjejaskan urusan peperiksaan Fakulti/Pusat di mana Dekan/Pengarah Fakulti/Pusat akan dipertanggungjawabkan. Kertas soalan yang dihantar hendaklah dimasukkan ke dalam sampul yang berlakri (seal).**

3. Garis Panduan Penyediaan Kertas Soalan Peperiksaan Akhir Semester, tersebut boleh dimuat turun melalui laman sesawang Bahagian Perkhidmatan Akademik di <http://bpa.ums.edu.my> untuk tujuan rujukan dan tindakan Dekan/Pengarah Fakulti/Pusat. Mohon pihak YBrs. Prof/Prof. Madya/ Dr, **mengambil perhatian pada perkara-perkara yang telah ditetapkan di dalam Garis Panduan Penyediaan Kertas Soalan Peperiksaan Akhir Semester tersebut bagi memastikan keseragaman dan kerahsiaan kertas soalan peperiksaan terjamin.**

4. Saya amat berbesar hati sekiranya YBrs. Prof/Prof. Madya/ Dr, dapat menyerahkan semua kertas soalan ke Bahagian Perkhidmatan Akademik pada tarikh yang telah ditetapkan dan tidak perlu menunggu hingga ke tarikh akhir.

Segala perhatian dan kerjasama YBrs. Prof/Prof. Madya/ Dr, dalam perkara ini saya dahului dengan ucapan terima kasih.

Yang Ikhlas,



PROFESOR DATUK DR. D KAMARUDIN D MUDIN

Naib Canselor

s.k Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (HEP dan Alumni)
Pengarah UMSKAL
Ketua Bahagian Perkhidmatan Akademik
Penolong Pendaftar, Seksyen Pengurusan Peperiksaan dan Penilaian
Penolong Pendaftar Kanan/Penolong Pendaftar, FSSA/FKSW/FPP/FKJ/FKI/FPL/FSMP/FPEP/FKAL /FPSK/PPIB/PKPP
Penolong Pendaftar, Sektor Perkhidmatan Akademik UMSKAL